

04/08/2001

Pelajar Melayu salah guna peluang di universiti

Nismy 2001

MELAYU tidak pandai menghargai dan tidak tahu bersyukur. Saya pasti kenyataan ini meninggalkan rasa marah, khususnya di kalangan orang Melayu.

Berani saya katakan kenyataan ini lahir daripada kesinambungan luahan hati Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu Melayu Mudah Lupa dan juga daripada pengamatan saya terhadap keadaan sekeliling.

Saya berasa terpenggil memberikan ulasan apabila membaca petikan di ruangan Dialog bertarikh 20 Julai lalu yang bertajuk Sepuluh Kategori Melayu Mudah Lupa tetapi kritikan saya lebih ke arah remaja, institusi kekeluargaan dan profesion keguruan.

Generasi kini dan akan datang membawa cabaran dan harapan yang tinggi dari orang terdahulu untuk terus mengekalkan sifat seperti merendah diri, menghargai dan tahu bersyukur.

Contohnya, dalam sehari berapa kali kita mengucapkan terima kasih kepada orang lain ataupun melahirkan rasa syukur kerana urusan kita dipermudahkan?

Ucapan ini tidaklah sesukar mana tetapi mengapa amat sukar dan jarang sekali dilaksanakan?

Bukankah dengan bersyukur dan terima kasih yang diiringi senyuman ikhlas mampu memberikan ketenangan pada diri dan mengeratkan silaturahim terhadap orang yang dituju ucapan berkenaan?

Perhubungan antara guru dan murid boleh dijadikan contoh yang semakin dilupakan. Murid akan mengucapkan terima kasih setiap kali selesai waktu pembelajaran dan guru pula melahirkan rasa syukur kerana usaha dihargai. Ini secara tidak langsung memberi keberkatan kepada anak murid.

Tanpa disedari, proses yang dianggap remeh pada mulanya akan memberikan impak besar, berkesan dan berterusan.

Tugas guru kini mencabar mendidik anak bangsa mengekalkan nilai murni itu.

Saya terpenggil membuat teguran ini dan mencoretkan rasa hati kerana saya adalah penuntut IPT berbangsa Melayu yang melihat banyak kepincangan berlaku di depan mata dalam masyarakat kini.

Rata-rata melahirkan rasa tidak puas hati kepada kerajaan tetapi mengapa masih mahu menggunakan duit kerajaan yang dipilih oleh rakyat, bagi membiayai pengajian mereka? Tidakkah mereka berasa malu?

Mengapa harus melepaskan peluang yang sukar diperolehi dan mensiasikannya dengan menyertai kegiatan politik?

Bukankah lebih elok memberikannya kepada mereka yang benar-benar ingin belajar dan menyumbang kepada negara?

Ini adalah satu contoh ketidaksyukuran dan sifat tidak tahu menghargai peluang yang ada.

Sesetengahnya lebih mengutamakan tuntutan nafsu untuk berseronok sedangkan matlamat bergelar graduan masih jauh.

Alangkah elok sekiranya bakat atau masa yang terluang disumbangkan dalam kegiatan membabitkan masyarakat. Bagaimana mahu menjadi generasi pelapis sekiranya pengurusan diri sendiri tidak mencerminkan Melayu yang kaya dan budi bahasa, kesopanan serta bahasa halus?

Mungkin kita terlalu disogokkan dengan bantuan sehingga tidak pernah merasai susah membuatkan kita mudah lupa, leka dan lalai.

Kita juga dibongkarkan dengan masalah sosial yang melanda anak muda seperti kes rogol, pembunuhan dan yang terbaru Black Metal.

Bukankah ini satu penjajahan baru dalam bentuk pemesongan akidah dan

psikologi khusus kepada anak muda beragama Islam?

Semua ini harus diatasi dan ibu bapa memainkan tugas penting untuk membina institusi kekeluargaan yang harmoni dengan menekankan asas didikan agama serta bukan semata-mata mengejar kejayaan dalam profesion masing-masing.

Masyarakat Melayu terkenal dengan budi pekerti mulia, sikap menghormati, tahu bersyukur, berterima kasih dan pandai menghargai.

Ini adalah satu bentuk pendidikan tidak formal bermula dari rumah tetapi ia bukanlah alasan tidak boleh seiring dengan kecanggihan dunia IT.

Kita disarankan seimbang dan kesederhanaan dari pelbagai sudut. Sesungguhnya dalam Islam turut menitikberatkan supaya tidak mensia-siakan nikmat yang Allah sediakan kepada hambaNya.

Sekiranya kita pandai memanfaatkannya ke jalan diredai, tidak mustahil kebahagiaan akan ditemui dan hidup terus dirahmati menemui jalan serta saluran baik. Kesukaran, kegelisahan, bala adalah balasan bagi mereka yang kufur terhadap nikmat Allah.